



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

School of
Professional and
Continuing
Education
(SPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I – SESSION 2023 / 2024
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDWG 2533
KOD KURSUS

COURSE NAME : INTRODUCTION TO FINANCE
NAMA KURSUS : PENGENALAN KEWANGAN

YEAR / PROGRAMME : 2 DDWG
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 2 HOURS 30 MINUTES
TEMPOH : 2 JAM 30 MINIT

DATE : DECEMBER 2023 / JANUARY 2024
TARIKH : DISEMBER 2023 / JANUARI 2024

INSTRUCTION : Answer all questions in the answer booklet provided.
ARAHAN : [Jawab semua soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.]

(You are required to write your name and your college's name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama kolej pada skrip jawapan)

NAME / NAMA PELAJAR	:
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:

This examination paper consists of 7 pages including the cover.
Kertas soalan ini mengandungi 7 muka surat termasuk kulit hadapan.



PUSAT PRGORAM KERJASAMA

PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK ARAHAN AM – PENYELEWENGAN AKADEMIK

1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

1.1. Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1. memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan/Bilik Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2. menggunakan maklumat yang diperoleh seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3. menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4. lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

2.1. Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

- 2.1.1. memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
 - 2.1.2. memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.
- 2.2. Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.
- 2.3. Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

Answer ALL questions.

(TOTAL 100 marks)

[Jawab SEMUA soalan.]

[JUMLAH 100 markah]

Q1. XYZ Corporation has the requirement to issue new common stock in the near future and prefers to raise long-term capital through private placement rather than a public offering.

[Syarikat XYZ mempunyai keperluan untuk menerbitkan saham biasa baru dalam tempoh terdekat dan lebih cenderung untuk mendapatkan modal jangka panjang tersebut melalui penawaran tertutup berbanding penawaran awam.]

a) Explain what is meant by 'private placements'.

[Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan penawaran tertutup.] (2m)

b) Give **TWO (2)** advantages of a private placement.

[Berikan DUA (2) kelebihan penawaran tertutup.] (4m)

Q2. a) Zayn has decided to place RM2,500, which he received as a birthday gift, in a saving account paying 2% interest. How much will accrue to Zayn's account in 15 years' time?

[Zayn telah memutuskan untuk menempatkan RM2,500, yang diterimanya sebagai hadiah hari jadi, dalam akaun simpanan yang membayar faedah 2%. Berapa banyak yang akan terkumpul di dalam akaun Zayn dalam masa 15 tahun?] (3m)

b) Ariel plans to retire in 20 years and, through annual savings, wants to build his wealth to RM500,000 by that time. Money can be invested to yield an interest of 16% per year. How much will he have to set aside at the end of each of the next 20 years in order to achieve his objective?

[Ariel merancang untuk bersara dalam 20 tahun dan melalui simpanan tahunannya, ingin membina kekayaan RM500,000 pada masa itu. Wang boleh dilaburkan untuk mendapatkan faedah 16% setahun. Berapa banyak perlu dia menyimpan pada setiap akhir tahun selama 20 tahun untuk mencapai objektifnya?] (4m)

Q3. Marissa is concerned with the liquidity position of her business as she heard that liquidity problems are one of the most frequent reason for business failure. The following liquidity ratios are provided:

[Marissa prihatin dengan kedudukan kecairan tunai perniagaannya ketika dia mendengar bahawa masalah kecairan adalah salah satu sebab paling kerap untuk kegagalan perniagaan. Nisbah kecairan berikut disediakan:]

Current Ratio [Nisbah Semasa] : 1.65
Quick Ratio [Nisbah Cepat] : 0.95
Average Collection Period [Tempoh Purata Kutipan] : 30 days [hari]

- a) Comment on the liquidity position of Marissa's business.
[Berikan komen mengenai kedudukan kecairan tunai perniagaan Marissa.] (4m)
- b) Explain **TWO (2)** limitations to ratio analysis.
[Terangkan **DUA (2)** kekurangan kepada analisis nisbah.] (4m)

Q4. PPK is considering an investment in one of the two following common stocks:

[PPK sedang mempertimbangkan pelaburan di dalam satu daripada dua saham biasa berikut:]

Common Stock [Saham Biasa] PPD		Common Stock [Saham Biasa] PSM	
Probability [Kebarangkalian]	Return [Pulangan]	Probability [Kebarangkalian]	Return [Pulangan]
0.30	10%	0.30	11%
0.50	15%	0.40	15%
0.20	20%	0.30	19%

- a. Calculate the expected return and standard deviation for common stock PPD and common stock PSM.
[Kirakan pulangan dijangka dan sisihan piawai untuk saham biasa PPK dan saham biasa PSM.] (6m)
- b. Given your answer in part (a), which investment is better? Why?
[Berdasarkan jawapan anda di bahagian (a), pelaburan manakah yang lebih baik? Mengapa?] (3m)

Q5. Capital Corporation is contemplating a new investment and asking you as their financial consultant to help them determine the associated cost of capital for the following sources of financing:-

[Syarikat Capital sedang mempertimbangkan pelaburan baru dan meminta anda selaku perunding kewangan syarikat untuk membantu mereka menentukan kos modal yang berkaitan untuk beberapa sumber kewangan seperti berikut:-]

- a. The company could sell new RM1,000 par value bonds at a price of RM1,200. The coupon interest rate is 5.4%, and the bonds would mature in 40 years. There would also be a 10% floatation cost per bond and the company is in a 25% tax bracket. What is the after-tax cost of debt to the company? (Round your answer on the cost of debt before-tax to the nearest hundredth)

[Syarikat boleh menjual bon baru bernilai par RM1,000 pada harga RM1,200. Kadar faedah kupon adalah 5.4% dan tempoh matang bon adalah 40 tahun. Terdapat 10% kos apungan untuk setiap bon dan syarikat dalam julat cukai 25%. Berapakah kos modal selepas cukai bon kepada syarikat? (Bundarkan jawapan anda ke atas kos modal sebelum cukai bon kepada peratus terdekat)]

(6m)

- b. The company could issue new common stock with the expected dividend of RM2.42 per share. The company's dividends per share should continue to increase at a 10% growth rate into the indefinite future. The market price of each stock is currently RM50; however, floatation costs of RM1.60 per share are expected. What is the cost of capital for the common stock?

[Syarikat boleh menerbitkan saham biasa baru dengan dividen dijangka sebanyak RM2.42 sesaham. Dividen sesaham syarikat dijangka akan terus meningkat pada kadar peningkatan 10% sehingga satu tempoh akan datang yang tidak terbatas. Harga semasa setiap saham adalah RM50; walaubagaimanapun, kos apungan sebanyak RM1.60 sesaham adalah dijangka. Berapakah kos modal untuk saham biasa?]

(6m)

- c. The company could issue preferred stock. The stock sells for RM98, however if new stock is issued, the company would receive only RM95. The par value of the stock is RM100 and the dividend is RM10. What is the cost of capital for the preferred stock to the company?

[Syarikat boleh menerbitkan saham keutamaan. Saham tersebut dijual untuk RM98, walaubagaimanapun syarikat akan dapat menerima hanya sebanyak RM95 jika saham baru diterbitkan. Nilai par saham adalah RM100 dan dividen adalah RM10. Berapakah kos modal kepada syarikat untuk saham keutamaan?]

(3m)

- d. Based on the above results, compute the company's weighted average cost of capital (WACC) if the company plans to maintain its capital structure of 25% debt, 60% common stock, and 15% preferred stock of equity.

[Berdasarkan pada jawapan di atas, kirakan kos modal purata wajaran (KMPW/WACC) jika syarikat bercadang untuk mengekalkan struktur modal mereka, iaitu hutang 25%, saham biasa 60% dan saham ekuiti keutamaan 15%.]

(5m)

Q6. DD World is considering two **mutually exclusive** projects. The required rate of return on these projects is 8%. The maximum allowable payback period for the project is 4 years. The two projects provide the following set of after-tax net cash flows:

*[DD World sedang mempertimbangkan dua jenis projek **saling eksklusif**. Kadar pulangan yang diperlukan untuk projek-projek tersebut ialah 8%. Tempoh maksima bayaran balik projek yang dibenarkan ialah 4 tahun. Kedua-dua projek tersebut memberikan aliran tunai selepas cukai seperti berikut:]*

	<u>PROJECT X</u>	<u>PROJECT Y</u>
	<u>[PROJEK X]</u>	<u>[PROJEK Y]</u>
Initial Outlay <i>[Pelaburan Awal]</i>	-RM500,000	-RM500,000
Inflow year 1 <i>[Aliran masuk tahun 1]</i>	120,000	132,000
Inflow year 2 <i>[Aliran masuk tahun 2]</i>	130,000	132,000
Inflow year 3 <i>[Aliran masuk tahun 3]</i>	140,000	132,000
Inflow year 4 <i>[Aliran masuk tahun 4]</i>	150,000	132,000
Inflow year 5 <i>[Aliran masuk tahun 5]</i>	150,000	132,000

Required: [Dikehendaki:]

a. Determine the payback period for each project.

[Tentukan tempoh bayaran balik untuk setiap projek.] (3m)

b. Calculate the Net Present Value (NPV) and the Profitability Index (PI) for each project.

[Kirakan Nilai Kini Bersih (NPV) dan Indeks Keberuntungan (PI) untuk setiap projek.] (9m)

c. The Internal Rate of Return (IRR) for project X is 11.29%. Calculate the IRR for project Y.

[Kadar Pulangan Dalaman (IRR) Projek X ialah 11.29%. Kirakan 'IRR' untuk projek Y.] (3m)

d. Based on the IRR given and **ALL** your answers above, explain briefly which project should be accepted.

*[Berdasarkan IRR yang diberi dan **KESEMUA** jawapan anda di atas, terangkan secara ringkas projek manakah yang patut diterima.] (5m)*

e. What is the difference between mutually exclusive project and independent project? How do the accept-reject criteria differ in reference to the above projects?

[Apakah perbezaan di antara projek saling eksklusif dan projek tidak bergantung? Bagaimanakah kriteria terima-tolak berbeza dengan merujuk kepada projek-projek di atas?]

(5m)

Q7. KTD Sdn. Bhd is considering the purchase of a rubber processing machine for RM450,000. The purchase of this machine will result in an increase in earnings before interest and taxes of RM150,000 per year. To operate the machine properly, workers would have to go through a brief training session that would cost RM15,000 after taxes. It would also cost RM15,000 to install the machine properly. In addition, its purchase would necessitate an increase in inventory of RM45,000. This machine has an expected life of 10 years, after which it will have no salvage value. Finally, to purchase the new machine, the firm would have to borrow RM250,000 at 8% interest resulting in additional interest payments of RM20,000 per year. Assume straight-line depreciation, a 25% marginal tax rate, and a required rate of return of 16%.

[KTD Sdn. Bhd. sedang mempertimbangkan pembelian sebuah mesin pemprosesan getah pada kos RM450,000. Pembelian mesin tersebut dapat menghasilkan pertambahan pendapatan sebelum faedah dan cukai sebanyak RM150,000 setahun. Untuk menggunakan mesin tersebut dengan baik, pekerja-pekerja perlu mengikuti sesi latihan ringkas yang menelan belanja sebanyak RM15,000 selepas cukai. Pembelian tersebut juga memerlukan kos sebanyak RM15,000 untuk pemasangan mesin dengan baik. Sebagai tambahan, pembelian tersebut akan memerlukan peningkatan inventori sebanyak RM45,000. Mesin tersebut mempunyai jangka hayat selama 10 tahun, dan tidak mempunyai nilai sisa. Akhirnya, untuk membeli mesin tersebut, syarikat perlu untuk meminjam sebanyak RM250,000 pada kadar faedah 8%, menyebabkan bayaran tambahan untuk faedah sebanyak RM20,000 setahun. Andaikan susut nilai menggunakan kaedah garis lurus, kadar margin cukai sebanyak 25%, dan kadar pulangan diperlukan ialah 16%.]

Required: [Dikehendaki:]

- a. What is the initial investment associated with this project?
[Berapakah pelaburan awal bagi projek tersebut?] (5m)
- b. What are the operating cash flows associated with this project for years 1 through 10?
[Berapakah aliran tunai operasi bagi projek tersebut untuk tahun 1 sehingga 10?] (9m)
- c. What is the project's Net Present Value (NPV)? Should this machine be purchased? Why?
[Apakah Nilai Masa Kini (NPV) projek tersebut? Patutkan mesin ini dibeli? Mengapa?] (7m)
- d. Why do we focus on cash flows rather than accounting profits in making our capital-budgeting decisions?
[Mengapakah kita fokus kepada aliran tunai berbanding keuntungan perakaunan dalam membuat keputusan belanjawan modal?] (4m)